

Dr Mastura Badzis →

bhinita@bharian.com



Elak si kecil 'jauh hati'

» Hubungan rapat anak, ibu bapa atau pengasuh yang konsisten bina ikatan mesra

Puan Noor: Saya mengambil anak angkat perempuan. Dua bulan kemudian saya mengandung dan menganggap anak angkat membawa tuah. Masalahnya anak angkat itu tidak mahu langsung dipangku. Dia akan menangis, menunjukkan rasa tidak selesa sebaliknya tidak begitu apabila apabila ibu dan suami meriba. Mungkinkah ia disebabkan 'jauh hati' apabila ada adik. Adakah ini benar dan mungkin saya kurang ilmu keibukan apa yang patut saya lakukan?

Bayi dan kanak-kanak membina hubungan rapat (*attachment and bonding*) atau apa yang dikenali sebagai perapatan dan kejelekitan dengan ibu bapa atau orang yang rapat denganannya. Hubungan ini bermaula sebab bayi dilahirkan.

Apabila tali pusat diputuskan daripada rahim ibu bererti sudah putus hubungan rapat dalam konteks fizikal antara si bayi dengan ibunya, lalu dari situ bermulanya hubungan emosi dan psikologi antara ibu dengan anak kerana hubungan dalam bentuk fizikal seolah-olah sudah 'diputuskan'.

Perapatan atau kejelekitan sebenarnya ialah satu perasaan atau emosi mengenai seseorang sangat disayangi dan kanak-kanak akan berasa sangat selesa dan selamat bersama orang

itu. Ia adalah satu ikatan kasih sayang amat kuat mengikut mereka.

Si ibu boleh memupuk hubungan rapat ini melalui senyuman, sentuhan, belai-an, perluhan, berkomunikasi dan memenuhi keperluannya dengan penuh kasih sayang. Pelbagai tingkah-laku diperlakukan kanak-kanak boleh membuktikan proses ini.

Hubungan rapat
Contohnya bayi akan senyum, mengusap rambut ibu, menendang-nendang kaki ibu, menyebut nama bayi dan sebagainya. Perapatan tidak semestinya hanya dengan ibu, tetapi ia juga berlaku antara bayi dengan bapa atau pengasuhnya yang konsisten.

Dalam konteks bayi diausuh dan dibersarkan ibu dan bapa angkat atau diausuh dan dibersarkan di Taska oleh pengasuhnya yang konsisten, perapatan juga berlaku antara mereka.

Menurut kajian ilmiah dilakukan pakar perkembangan kanak-kanak, hubungan rapat kejelekitan antara anak dengan ibu atau pengasuhnya yang konsisten mempunyai kaitan dengan perkembangan psikologi dan sosial si anak pada masa hadapan.

Kualiti penjagaan dan kasih sayang ditunjukkan di peringkat awal usia akan nampak kesannya sekurang-kurangnya bila anak sudah mula memasuki alam persekolahan. Kesan boleh dilihat terutama dari

ANAK AKAN MUDAH BERASA DIRINYA KURANG DISAYANGI TERUTAMA JIKA SI IBU BANYAK MELUANGKAN MASA BERSAMA DENGAN BAYI YANG BARU DILAHIRKAN"

aspek kemahiran sosioemosional anak, bagaimana mereka berhubung dengan ibu bapa, pengasuh, rakan, orang lain dan bagaimana

mereka menghadapi suasana tertekan.

Tangani konflik emosi
Anak ini akan menonjolkan sikap jati diri (*self-reliance*) sejak usia anal bertambah lagi dan mempunyai harga diri (*self-esteem*) yang tinggi. Dapatkan daripada kajian ilmiah juga membuktikan hubungan intim kejelekitan atau perapatan antara ibu dan anak atau pengasuhnya yang konsisten dapat membantu kanak-kanak menggrap sepenuhnya potensi keintelektualan mereka di samping menjadikan kanak-kanak berani, mampu menyelesaikan sesuatu konflik dengan tenang, mempunyai kekuatan menghadapi kerisauan, ketakutan dan yakin pada diri sendiri.

Sebaliknya orang dewasa yang di zaman awal kanak-kanaknya menghadapi masalah dalam konteks *bonding* dan *attachment*, secara umumnya dari segi sahsiah adalah seorang yang mudah merasa tersisih, terasing, berlantang bergantung pada orang lain, sering menjadi mangsa atau mangsa kawan, kurang kemahiran berkomunikasi dan sering

menghadapi masalah emosi.

Perlu belaihan
Justeru sentuhan, belaihan dan kasih sayang ibu atau pengasuh yang konsisten dalam kehidupan kanak-kanak di peringkat awal perkembangannya yang menentukan hala tuju masa depannya.

Memang tidak dapat dinafikan apabila anak *tatih* menerima kehadiran seorang adik baru dalam keluarganya, si kecil akan dapat merasainya dan rasa 'jauh hati' secara tidak langsung memang dialami si kakak atau si abang tidak kira sama ada anak angkat atau pun anak kandung.

Anak *tatih* masih belum mempunyai kekuatan cukup untuk 'merasa selamat' terutama dari aspek emosinya yang sentiasa turun naik umpama menaiki sebuah roller coaster. Si kecil tidak tahu bagaimana memberitahu perasaannya yang dia berasi bimbang atau berasa 'jauh hati'.

Di sini mudah berasa dirinya kurang disayangi terutama jika si ibu banyak meluangkan masa bersama dengan bayi yang baru dilahirkan atau menunjuk-


kan reaksi yang berlainan terhadapnya bila si ibu mula mengandungkan anak kedua.

Ibu bapa perlu membantu si kecil merasakan dirinya selamat, disayangi dan memastikan kejelekitan terus berlaku. Pelbagai cara boleh dilakukan seperti berterusan menunjukkan kasih sayang, memelih dan membela tanpa rasa jemu walaupun mungkin menunjukkan sikap tidak selesa dan cubalah sentiasa menghabiskan banyak masa bersamanya agar pemupukan kasih sayangnya terhadap adik baru dapat dijalankan.

Anda ada masalah dengan anak?

Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhinita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat

Unit Ratu,
Berita Harian,
31, Jalan Riong,
59100 Bangsar,
Kuala Lumpur.



INFO

Panduan merapatkan hubungan ibu bapa/kanak-kanak

• Ibu bapa perlu segera beritahu

kehadiran adik baru.
• Elakkan memberi rasa tertekan
• Ibu bapa mengajak si kecil bersama-sama merancang kehadiran adik baru
• Bawa si kecil

melawat ibu yang baru melahirkan (anak baru)
• Cuba seberapa daya supaya ibu tidak memegang atau menyusukan bayi ketika si kecil datang melawat.
• Ajak ambil gambar

dengan adik baru supaya dapat rasakan saat istimewa itu.
• Beri peluang memilih hadiah untuk adik baru
• Luangkan masa bersama-sama dengan adik baru

• Ibu bapa perlu memahami kerena si kecil yang menunjukkan 'tantrum' semasa ibu sedang menyusukan bayi atau di pangkuhan ibu.
• Tunjukkan kakak

bagaimana menyentuh bayi dengan lembut dan penuh kasih sayang.
• Ibu bapa perlu peka perasaan apa dia lami dan beri ruang masa untuk menyesuaikan diri dengan keadaan baru.